

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 11 TAHUN 2018

TARIKH : 24 DISEMBER 2018 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, <i>S.I.S.,P.P.T.</i>
(Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i> | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Hamzah bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 13. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Baharudin bin Misran | - | Ahli Majlis |
| 16. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 17. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 20. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

1. Encik Miskon bin Haji Karim, *P.P.T.* - Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Kamarulzaman bin Ahmad, *P.J.K.* - Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3. Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, *A.M.S, P.P.T., P.K.T.*- Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
4. Tuan Haji Zailani bin Hashim, *P.P.T., P.K.T.* - Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
5. Encik Hishamuddin bin Ismail, *P.P.T.* - Pengarah Jabatan Pelesenan
6. Encik Syamsol Herwan bin Ahmad - Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
7. Puan Lisawati binti Abd. Karim - Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Norain binti Mohamad - Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
9. Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap - Pengarah Jabatan Landskap
10. Puan Nordila binti Yasir - Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
11. Tuan Haji Fauzi bin Din, *P.J.K.* - Ketua Unit Perundangan
12. Encik Mohd Halid bin Roslei - Ketua Perunding Kawalan Pemajuan
13. Cik Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam - Ketua Unit Audit Dalam
14. Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan - Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam
15. Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni - Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
16. Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
17. Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, *P.J.K.* - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

18. Encik Mohd Khairul bin Darini - Wakil Pengarah Jabatan Kejuruteraan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
2. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
3. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
4. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
5. Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof - Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. Puan Nurfadhilah binti Jalaludin - Pegawai Tadbir
2. Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus - Penolong Pegawai Tadbir
3. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
4. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.		Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi		
	<p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YDM Orang Besar Daerah, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini.</p> <p>Dalam ucapannya, Tuan Pengerusi memaklumkan perkara-perkara berikut:</p>		
	2.1	Tahun 2018 semakin melabuhkan tirai. Sepanjang tahun ini, MDKL telah menerima sebanyak 8 anugerah dan ini merupakan perkembangan baik kepada MDKL yang sedang menuju ke arah perbandaran.	Makluman
	2.2	Untuk tahun 2019, pihak Majlis telah membuat beberapa perancangan gerak kerja antaranya sesi townhall. Yang terawal adalah sesi "Townhall" bersama MPP Zon yang akan diadakan pada bulan Januari. Pihak Majlis juga dalam proses penyusunan semula ke arah perbandaran.	Makluman
	2.3	Tuan Pengerusi memaklumkan proses pembaharuan lesen sedang berjalan. Hasil kutipan menggunakan sistem 'e-blocking' telah merekodkan sebanyak RM1.031 juta dan akan diguna pakai untuk permohonan gerai dan dewan MDKL.	Makluman
	2.4	Dimaklumkan pihak Majlis dalam proses mendapatkan penurunan kuasa daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk pengeluaran kompaun di bawah Peraturan Tembakau.	Makluman
	2.5	Mesyuarat MMKN akan diadakan di MDKL pada bulan Januari 2019. Satu sesi lawatan kerja akan diadakan selepas itu.	Makluman

3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 10 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 NOVEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Rosdi bin Meor Endut dan disokong oleh Encik Hamzah bin Abu Bakar tanpa sebarang pindaan.	Makluman
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	<p><u>Cadangan Nama Taman Perumahan Yang Terletak Berjauhan Antara Satu Sama Lain Dibezakan Dengan Meletakkan Nombor</u></p> <p>Masalah dalam menamakan taman bagi pembangunan lot-lot kecil:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan lot-lot kecil yang dibangunkan secara tidak serentak • Lokasi pembangunan adalah berjauhan di antara satu sama lain. • Jabatan perlu merancang dan menyediakan nama taman dan jalan bagi pembangunan yang akan dibangunkan untuk jangka masa panjang. • Perancangan nama yang betul supaya tidak akan mendatangkan masalah kepada penamaan pembangunan baru. • Perancangan nama yang tidak tepat pada masa sekarang akan menyebabkan berlakunya nama taman, nama jalan dan nombor bangunan yang tidak bersambungan serta menyebabkan berlakunya kekeliruan mencari taman dan jalan. • Perubahan alamat kepada taman perumahan yang telah diduduki untuk penyelarasan semula nama taman pada masa akan datang akan menyebabkan kemarahan kepada penduduk sedia ada kerana perlu mengubah alamat surat menyurat, kad pengenalan dan bil-bil berkaitan. <p><i>Encik Baharudin mencadangkan pemasangan papan tanda tunjuk arah jalan di Taman Cempaka.</i></p>	Makluman

	4.2	<p><u>Laporan Kerja-Kerja MARRIS</u></p> <p>Dimaklumkan perkara ini akan dibentangkan secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam.</p> <p><i>Encik Baharudin mencadangkan projek-projek yang akan dilaksanakan di setiap zon dimaklumkan kepada Ahli Majlis kawasan.</i></p>	Makluman
5.0	<p>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</p>		
	5.1	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 2 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 NOVEMBER 2018</p>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 8 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 3 DISEMBER 2018</p>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 3.5 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan Jalan Angkasa, Taman Mahkota telah diserahkan kepada MDKL tetapi pihak KDEB masih belum menjalankan kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal.</p>	JPSPKP
	ii.	<p><u>Perkara 3.6 (m.s.4)</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan sebanyak 4 kontraktor telah ditamatkan perkhidmatan dan proses lantikan kontraktor baru akan dilaksanakan pada minggu ini.</p>	Makluman

	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 8 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 3 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	Makluman
	i.	<u>Perkara 4.1.4 (m.s.4)</u> YDM. Dato' OBD ingin tahu lebih lanjut berkenaan perkara ini. <i>Dimaklumkan satu jambatan akan diserahkan kepada MDKL manakala tiga jambatan lagi akan diserahkan kepada JKR.</i>	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 8 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 4 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 7 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Berkenaan pelantikan PeBT, Pengarah JPM memaklumkan perkara ini masih di peringkat tapisan keselamatan.	Makluman
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 7 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 8 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.8	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 5.4 (m.s.7)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan kenaikan kadar sewaan petak letak kereta khas dilaksanakan selepas MDKL dinaik taraf ke perbandaran.</p> <p><i>Encik Baharudin berpendapat kenaikan kadar sewaan petak letak kereta khas ini perlu dilaksanakan dari sekarang untuk mengelak tanggapan orang awam di mana MDKL menaikkan semua kadar sewaan apabila telah menjadi perbandaran.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha meminta cat petak letak kereta khas dibuat secara 'in-house' bagi mengelakkan kelewatan.</i></p> <p><i>Encik Rosdi memaklumkan terdapat bengkel membaiki kereta di Taman Banting Baru yang menggunakan lot-lot parkir di situ sehingga menyebabkan tiada penyewa yang ingin menyewa lot kedai di kawasan tersebut kerana ketiadaan petak parkir.</i></p>	Makluman

6.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 21 TAHUN 2018 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 NOVEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 22 TAHUN 2018 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 23 NOVEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
7.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	7.1	<p><u>ADDENDUM NO.1</u></p> <p>PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN BIL.5/2018</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i>Justifikasi Permohonan</i></p> <p>Cadangan diterima dari Jabatan Kejuruteraan untuk mendapatkan tambahan peruntukan sebanyak RM515,700 untuk tujuan pembiayaan pembelian tiga buah kenderaan. Kenderaan-kenderaan tersebut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan berat jenis 'armroll' berkapasiti 10,000 kg bernilai RM223,000. • Kenderaan berat jenis tangki air berkapasiti 4,000 liter bernilai RM143,000. • Kenderaan berat jenis <i>steel cargo crew cab</i> berkapasiti 4,100 kg bernilai RM149,700. <p>Berikutan lebih peruntukan yang terdapat pada kod vot B29131-Penswastaan Kawasan di bawah bajet Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran (JPSPKP), ahli mesyuarat bersetuju menggunakan baki tersebut untuk pembelian</p>	JP

		<p>kenderaan ini. Oleh kerana pembelian kenderaan termasuk di dalam kategori aset (kepala A), kelulusan mesyuarat diperlukan untuk memindahkan peruntukan ke kod vot dari Kepala B ke Kepala A.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
	<p>7.2</p>	<p><u>ADDENDUM NO.2</u></p> <p>PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN BIL.6/2018</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Justifikasi Permohonan</u></p> <p>Sumbangan kewangan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan ini adalah bertujuan untuk membantu kelab dalam menjalankan program-program dan aktiviti yang telah dirancang pada tahun 2019. Antara program dan aktiviti tersebut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penganjuran beberapa acara sukan dalaman yang disertai oleh ahli kelab. • Penghantaran ahli kelab ke acara sukan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak luar untuk acara berpotensi seperti futsal, golf, bola sepak pantai, boling dan tarik tali. • Program lawatan sambil belajar yang disertai oleh ahli dan anak-anak ahli. • Peningkatan kerohanian seperti kursus, ceramah, tadarus Al-Quran, program ibadah Qurban dan lain-lain. • Pemberian suguhati dan sumbangan kepada ahli kerana musibah, kematian atau kecemerlangan dalam peperiksaan. • Bantuan pinjaman kepada ahli terutama untuk menghadapi perayaan atau persediaan musim persekolahan anak-anak. • Penganjuran program-program yang boleh menjana pendapatan seperti jualan secara <i>food truck</i>. • Menganjurkan Jamuan Hari Raya untuk tujuan merapatkan <i>ukhuwah</i> antara ahli kelab. <p>Oleh yang demikian, melalui perbincangan bersama Pihak Pengurusan Tertinggi Kelab dengan pihak</p>	<p>JP</p>

		<p>Pengurusan Tertinggi MDKL, maka pihak Pengurusan MDKL telah bersetuju untuk menyalurkan sumbangan kepada pihak kelab sebanyak RM200,000.</p> <p>Bagi membolehkan penyaluran sumbangan dibuat, maka pindahan peruntukan dari kod vot B29131 dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal iaitu vot Penswastaan Kawasan dan kod vot B29107 dari Jabatan Khidmat Pengurusan iaitu vot Perkhidmatan Latihan/Retreat Ahli Majlis kepada kod B42701-pemberian kepada NGO di bawah seliaan Unit Korporat dan Perhubungan Awam perlu dibuat.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
	<p>7.3</p>	<p><u>ADDENDUM NO.3</u></p> <p>KERTAS CADANGAN BERKENAAN PUSAT TUISYEN MARA@KPLB/MDKL OLEH YAYASAN PELAJARAN MARA KEPADA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i><u>Latar Belakang</u></i></p> <p><i>Program Tuisyen Mara (SPM)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkonsep kelas bimbingan dan mentor menti sebanyak 10 pertemuan sepanjang tahun. Dikendalikan oleh MRSM/SBT/PPD. • Sasaran adalah kepada 100 orang pelajar dari sekolah-sekolah sekitar MRSM/SBT yang berprestasi sederhana dan berpendapatan rendah (B40 ke bawah). • Dilaksanakan di MRSM/SBT sebagai pusat. Menggunakan guru pakar mata pelajaran dari MRSM/JPN/PPD dengan minimum 4 subjek teras/sains. • Dasar dan polisi untuk pemilihan pusat oleh YPM@MDKL, Bahagian Pendidikan Menengah MARA&JPN/PPD. Pemilihan sekolah peserta oleh MRSM&JPN/PPD. • Peruntukan dana diperlukan daripada MDKL adalah sebanyak RM37,000 dan RM20,000. <p><i>Program Tuisyen Mara (UPSR)</i></p>	<p>JPM</p>

- Berkonsep kelas bimbingan dan mentor mantee sebanyak 10 pertemuan sepanjang tahun. Dikendalikan oleh PPD/JPN.
- Sasaran adalah kepada 100 orang pelajar dari sekolah-sekolah sekitar MRSM/SBT yang berprestasi sederhana dan berpendapatan rendah (B40 ke bawah).
- Dilaksanakan di sekolah sebagai pusat. Menggunakan guru pakar mata pelajaran dari JPN/PPD untuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.
- Dasar dan polisi untuk pemilihan pusat oleh YPM@MDKL, Bahagian Pendidikan Menengah MARA&JPN/PPD. Pemilihan sekolah peserta oleh JPN/PPD.
- Peruntukan dana diperlukan daripada MDKL adalah sebanyak RM22,000.

Program Selangkah Ke Universiti

- Berkonsep Program Motivasi Pelajar & Ibu Bapa, Karnival Kerjaya dan Pameran Booth IPMA/IPTA/IPTS.
- Sasaran adalah kepada 250 orang pelajar dan 250 orang ibu bapa yang berpendapatan rendah (B40 ke bawah).
- Pelaksanaan Peserta Kelas Tuisyen MARA&Pelajar Terpilih, Program 1 Hari oleh Pakar Motivasi dari YPM@MRSM.
- Dasar dan polisi untuk pemilihan pusat oleh YPM@MDKL, Bahagian Pendidikan Menengah MARA&JPN/PPD.
- Peruntukan dana diperlukan daripada MDKL adalah sebanyak RM17,800.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat bersetuju **menolak** kertas mesyuarat ini kerana telah ada Tuisyen Rakyat di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Mat Irwan bin Ismail,		
	i.	Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YDM Orang Besar Daerah, Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan MDKL yang hadir pada mesyuarat hari ini.	Makluman
	ii.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama-sama pada hari ini, menyelesaikan satu lagi mesyuarat yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan pentadbiran dan hala tuju di Kuala Langat supaya berada dalam keadaan baik terutamanya dalam memberikan khidmat bakti kepada seluruh penduduk dalam kawasan MDKL.	Makluman
	iii.	Beliau juga melahirkan rasa kesyukuran kerana pada hari ini, telah masuk bulan yang kelapan selepas pilihanraya bersejarah bila mana Pakatan Harapan telah berjaya mengekalkan mandat mentadbir Negeri Selangor, bahkan Pakatan Harapan juga di bawah gabungan Keadilan, AMANAH, DAP dan PBBM telah berjaya melangkah ke Putrajaya.	
	iv.	Buat pertama kalinya, wakil rakyat yang mewakili Parlimen Kuala Langat iaitu YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar telah diamanahkan sebagai Menteri penuh di Putrajaya dengan menyandang jawatan sebagai Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Beliau yakin dan penuh percaya bahawa akan ada impak positif kesan dari lantikan berkenaan memandangkan pengalaman dan kredibiliti YB. Tuan Dr. Xavier yang pernah menjawat jawatan sebagai Exco Kerajaan Negeri Selangor dan beberapa tanggungjawab yang lain.	
	v.	Umum mengetahui bahawa negara Malaysia yang dicintai sedang melalui proses pemulihan kesan dari ketidakcekapan pengurusan kepimpinan yang lalu. Namun Negeri Selangor di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan khususnya di bawah kepimpinan YAB. Tuan Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar	

		<p>Selangor telah meneruskan khidmat prestasi yang sangat baik. Buktinya melalui Program Insentif Peduli Rakyat dengan pelaksanaan berpuluh program khusus untuk semua lapisan rakyat dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM3.5 bilion telah membuktikan bahawa kerajaan Negeri Selangor pada hari ini telah ditadbir pada tahap yang terbaik dalam sejarah. Apatah lagi dengan anugerah satu bulan gaji sebagai bonus khusus untuk seluruh penjawat awam di negeri ini.</p>	
	vi.	<p>Tahun 2019 bakal menjelma tidak lama lagi. Cabaran dan rintangan juga tidak kurang hebatnya. Bahkan sekiranya di amati ucapan belanjawan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor yang lalu, terdapat beberapa perkara menarik yang harus diambil perhatian khususnya berkaitan dengan Kuala Langat.</p> <p>Yang pertama adalah berkenaan kenaikan taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Usaha-usaha berterusan untuk merealisasikan matlamat tersebut harus menjadi agenda besar bagi tahun 2019. Seluruh rakyat dalam daerah Kuala Langat menanti dengan penuh debar akan kesan secara langsung dan tidak langsung yang bakal mereka hadapi selepas dari perubahan berkenaan. Justeru itu, strategi menyeluruh harus difikir dan dilaksanakan agar impak pembangunan dan penyampaian maklumat adalah menyeluruh ke serata kawasan. Apa yang nyata, kenaikan taraf kepada majlis perbandaran ini nanti memberikan perubahan yang ketara kepada semua.</p>	Makluman
	vii.	<p>Yang kedua adalah berkenaan Kuala Langat yang termasuk dalam program pembangunan gugusan industri sokongan pelabuhan dan maritim meliputi kawasan Pelabuhan Klang-Pulau Indah-Telok Gong-Sijangkang. Perkara ini telah kedengaran beberapa tahun ini. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, pihak Kerajaan Tempatan harus bersedia dengan perubahan seperti perubahan Rancangan Tempatan, limpahan pembangunan serta keperluan untuk mengambil kira suara minoriti rakyat seperti orang asli dan pekerja ladang. Oleh itu, keperluan kepada satu pasukan yang kuat harus diberikan keutamaan dalam waktu ini. Tanpa pasukan yang kuat, kita akan gagal melaksanakan misi dan visi yang telah dibincang sama</p>	

		ada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Tempatan.	
	viii.	<p>Di kesempatan ini juga, beliau ingin mencadangkan beberapa perkara yang mungkin dapat menambah baik faktor penyampaian di MDKL terutamanya menjelang kenaikan taraf kepada Majlis Perbandaran.</p> <p>Yang pertama adalah memperkasa kecemerlangan kakitangan dan anggota pentadbiran majlis. Persediaan sepenuhnya terutama yang melibatkan aspek fizikal, motivasi, ilmu dan pengalaman kakitangan harus diberi keutamaan dalam rangka kerja. Walaupun kedudukan kewangan agak genting bagi tahun 2019, keperluan untuk peningkatan keupayaan modal insan kakitangan harus diberi tumpuan sewajarnya. Latihan, seminar, lawatan kerja serta pelbagai bengkel harus menjadi platform terbaik bagi anggota pasukan MDKL mencari pendedahan dan ilmu berkaitan pengurusan pentadbiran alaf baru.</p>	Makluman
	ix.	<p>Yang kedua adalah pelarasan semua projek dan program bagi tahun 2019 dan tahun seterusnya, melalui kerjasama Kerajaan Pusat dengan pelbagai kementerian yang berkaitan. Umum mengetahui bahawa bermula dari hujung tahun ini sudah dijalankan pelbagai projek dan program pembangunan ke Negeri Selangor secara khususnya. Oleh yang demikian, beliau berharap MDKL mengambil peluang ini untuk terus memohon pelbagai peluang yang ada, samada melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan beberapa kementerian yang lain. Peluang MDKL untuk mendapat beberapa suntikan tambahan dari pihak yang berkenaan sebenarnya ada memandangkan 'networking' atau perhubungan yang ada di antara pimpinan tempatan dan pimpinan pusat serta 'gray area' antara status majlis daerah dengan majlis perbandaran.</p>	

	x.	Seluruh rakyat dalam kawasan pentadbiran MDKL sebenarnya mengharap serta dahagakan mutu pentadbiran dan perkhidmatan di tahap yang baik dan cemerlang. Segala dasar dan perancangan yang dibincangkan, diperhalusi serta dilaksana haruslah dekat dengan rakyat atau memahami denyut nadi rakyat. Ibarat mengambil petikan ucapan pelantikan John F Kennedy, Presiden Amerika Syarikat ke-35 "my fellow americans, ask not what your country can do for you, ask what you can do for your country".	Makluman
	xi.	Beliau juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pegawai dan kakitangan MDKL kerana sepanjang tahun ini, MDKL telah merangkul beberapa anugerah penting dan berprestij khususnya berkaitan dengan pengurusan, perkhidmatan dan tadbir urus awam. Deretan anugerah pastinya menjadi pembakar semangat kepada semua dalam menghadapi hari-hari mendatang.	
	xii.	Akhir kata, beliau merakamkan ucapan penghargaan kepada YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar dan seluruh keluarga besar Keadilan Kuala Langat dan teman-teman Pakatan Harapan Kuala Langat serta YAB. Tuan Amiruddin Shari di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada beliau. Beliau juga memohon ampun dan maaf sekiranya ada terlanjur kata dan terkasar bahasa. Mudah-mudahan tahun hadapan memberi keazaman untuk bekerja lebih kuat dan memberi nikmat kebahagiaan kepada rakyat.	
9.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 27 Disember 2018

Disemak oleh :

.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)

Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S.,P.P.T.)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM

- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
- 17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mdkl 11/2018